

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA  
YBhg. TAN SRI Dr. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF  
PENGERUSI  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

**SEMPENA**

**TAKLIMAT KHAS URUSAN PERKHIDMATAN  
MELALUI SISTEM ePROPER  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
DI NEGERI MELAKA**

**PADA**

**30 SEPTEMBER 2020 (RABU)**

**BERTEMPAT DI  
DEWAN BANQUET  
HOTEL BALIK PULAU, MELAKA**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Datuk Seri Azmi Bin Lateh**  
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

**Yang Berbahagia Datuk Suhaimi Bin Jusoh**  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

**Yang Berusaha Dr. Mohd Azam Bin Ahmad**  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

Seterusnya Datuk-datuk, Dr, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat ilahi atas limpah dan kurniaNya, kita dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan Melalui Sistem ePROPER Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi seluruh Negeri Melaka. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka sebagai tuan rumah dalam merealisasikan majlis taklimat pada hari ini.
2. Saya difahamkan pelaksanaan taklimat Sistem ePROPER bagi seluruh Negeri Melaka hari ini dihadiri seramai **51 PTJ** sebagai pegawai peraku atau penyemak daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan Guru (IPG), serta Sekolah-Sekolah bertaraf Pusat Tanggung Jawab (PTJ). Setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis pagi ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Objektif sistem ini dibangunkan adalah untuk memastikan perakuan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan dapat dipercepatkan selari dengan usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan awam dan konsep kepercayaan dan kebertanggungjawaban Ketua Jabatan untuk membuat perakuan dengan mudah secara atas talian (*online*).

4. Semenjak Sistem ePROPER dilancarkan bermula pada tahun 2017 sehingga kini, urusan perkhidmatan yang diterima di seluruh Semenanjung Malaysia merekodkan **71,180 urusan**. Daripada jumlah tersebut, **14,093 urusan** menggunakan modul Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), **2,694 urusan** menggunakan modul Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP), **27,900 urusan** menggunakan modul Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan yang terakhir **26,493 urusan** menggunakan modul Pemberian Taraf Berpencen (PTB).

5. Jumlah **71,180** urusan perkhidmatan yang saya nyatakan sebentar tadi jelas membuktikan migrasi dari sistem manual kepada sistem ePROPER mendapat sambutan dari semua pihak dan sistem ini amat mudah digunakan dan mampu mempercepatkan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan di bawah tanggungjawab tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin yang dihormati,

6. Ketua-Ketua Jabatan merupakan Pengguna Utama yang akan diberi kepercayaan dan tanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan hal-hal perkhidmatan pegawai di bawah seliaannya. Saya juga mengharapkan, sistem ini membentuk **budaya pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan** dikalangan pegawai pengurusan sumber manusia di Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Kolej Matrikulasi, IPG dan sekolah-sekolah.

Hadirin yang dihormati,

7. Selaku Pengerusi Suruhanjaya, saya mengharapkan penggunaan sistem ePROPER yang dilaksanakan di Negeri Melaka ini akan dapat mengurangkan isu-isu perkhidmatan yang kerap dibincangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya. Sebagai makluman berikut adalah beberapa contoh isu-isu yang dibincangkan oleh Suruhanjaya:

Contoh 1: Isu-isu Suruhanjaya

Ketua Jabatan Lewat Kemuka Paket Setuju Terima Tawaran (PSTT) Dan Membenarkan Pegawai Mempunyai Masalah Kesihatan Untuk Melapor Diri

Contoh Kes:

Jawatan : PPP DG41

Tarikh Lantikan : 16 November 2017

Tempoh Kelewatan Menghantar PSTT : 2 tahun 2 bulan

Daerah : Lubok Cina Pos, Melaka

Kesan /Implikasi :

- Sekiranya Suruhanjaya tidak meluluskan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT) :

- (i) Pegawai adalah tidak layak untuk kenaikan gaji tahunan,
- (ii) Kesan kepada tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan & Pemberian Taraf Berpencen,
- (iii) Kesan kepada kekananan naik pangkat dan faedah persaraan; dan
- (iv) Tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap Ketua Jabatan kerana membuat keputusan tanpa merujuk kepada SPP

Banyak lagi kes-kes yang diterima oleh Suruhanjaya berkaitan urusan perkhidmatan namun yang dinyatakan tadi adalah beberapa contoh yang perlu kita ambil iktibar bersama.

8. Adalah menjadi harapan saya agar sistem ini dapat membantu memudah dan mempercepat proses kerja PTJ di

bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam mengemukakan perakuan urusan perkhidmatan APP pada masa akan datang. Melalui sistem ini juga diharap dapat menyokong usaha kerjasama strategik antara SPP dan KPM serta KPT sebagai pihak Ketua Perkhidmatan dalam memastikan urusan perkhidmatan pendidikan adalah lengkap, teratur dan memenuhi kehendak pelanggan.

9. Sebelum saya menamatkan ucapan, sekali lagi saya mengucapkan **ribuan terima kasih atas sokongan dan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka serta** sebagai tuan rumah dalam merealisasikan Taklimat Khas Urusan Perkhidmatan Sistem ePROPER di negeri Melaka.

Saya akhiri dengan Wabilahitaufik Walhidayah Wa Assalammualaikum wbt.